



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Prosa Tradisional (Hikayat Indera Nata)

Sinopsis

Kisah bermula bermula apabila Indera Jenaka tiba ke negeri Rom setelah sekian lama mengembara dan sampai ke rumah bondanya Si Batu Kembar . Bondanya bertanya tentang Si Piatu. Indera Jenaka memberitahu bahawa Si Piatu itu sebenarnya adalah Indera Nata yang berani dengan segala binatang buas dan boleh bercakap dengan segala binatang. Indera Nata telah menyeberangi lautan dengan bantuan ular sakti ke negeri Pattani. Indera Nata juga telah menyelamatkan Indera Jenaka daripada dibaham binatang buas. Tuanku Syah Alam mengkagumi Indera Nata apabila mendengar cerita daripada Indera Jenaka.

Kisah selanjutnya, Indera Nata pergi mengembara dan ternampak sebuah bukit yang terlalu tinggi dan terdapat sebuah rumah di situ. Di sebelah rumah tersebut terdapat sebuah mahligai dan dia melihat tujuh orang puteri di dalamnya . Indera Nata memperkenalkan dirinya sebagai anak Raja Rom dan memberitahu tujuannya datang atas perintah ayahandanya mencari gajah bergading emas. Puteri-puteri itu gembira dengan kedatangan Indera Nata dan memperkenalkan diri mereka yang berasal dari negara yang berlainan. Salah seorang puteri tersebut iaitu Tuan Puteri Cendera Kesuma memberitahu mereka telah ditawan oleh sepasang suami isteri raksasa untuk dimakan apabila mereka dewasa. Puteri Cedera Kesuma bercadang meminta pertolongan raksasa untuk mencari gajah bergading emas bagi membantu Indera Nata mendapatkan gajah itu segera.

Apabila raksasa pulang, Indera Nata disembunyikan di dalam peti emas dan puteri-puteri itu membuat helah kepada raksasa dengan mengatakan jika hendakkan mereka cepat dewasa dan boleh dimakan hati mereka , perlulah mencari gajah bergading emas. Raksasa pergi ke hutan mencari gajah bergading emas dan secara kebetulan terserempak dengan Raja Rom yang menaiki gajah bergading emas dan pengikut-pengikutnya pergi berburu . Raksasa berasa gembira dan telah membunuh mereka semua dan membawa balik gajah bergading emas.

Sekali lagi Tuan Puteri Cendera Kesuma membuat helah supaya raksasa mencari kijang putih bertanduk emas dan memberikan kain hitam untuk dicuci sampai putih sebagai



NOTA RUJUKAN KOMSAS

tanda sayang raksasa kepada mereka. Raksasa lelaki keluar mencari kijang putih bertanduk emas sementara raksasa perempuan pergi mencuci kain hitam supaya menjadi putih. Pada masa itulah, Indera Nata membawa ketujuh-tujuh puteri melarikan diri dengan menaiki gajah bergading emas bersama semua harta dalam mahligai itu.

Kedua-dua raksasa itu gagal mencari kijang putih bertanduk emas dan memutihkan kain yang hitam, mereka kembali ke mahligai dan mendapati gajah bergading emas dan ketujuh-tujuh puteri telah hilang. Kedua-dua raksasa terlalu marah dan segera mengikuti kesan tapak kaki gajah dan akhirnya ternampak ketujuh-tujuh puteri bersama Indera Nata di atas gajah. Indera Nata dan ketujuh-tujuh puteri menangis ketakutan apabila mendengar suara raksasa sehingga sampai ke tepi pantai. Indera Nata meminta Betara Gangga dengan menggunakan gemala hikmat dan Betara Gangga mengarahkan ular sakti dan naga membawa Indera Nata dan ketujuh-tujuh puteri menyeberangi lautan. Ular sakti dan naga tersebut membawa mereka semua ke seberang. Raksasa yang tiba di tepi pantai cuba menarik Indera Nata dan ketujuh-tujuh puteri di seberang tetapi ular sakti dan naga telah menarik raksasa ke tengah laut menyebabkan kedua-dua raksasa itu mati.

Indera Nata bersama ketujuh-tujuh puteri telah berjalan selama tujuh hari tujuh malam sehingga sampai ke rumah bondanya Tuan Puteri Cenderawati. Bondanya sangat gembira melihat kedatangan mereka. Indera Nata menceritakan semua peristiwa yang berlaku dan ketujuh-tujuh puteri bercerita tentang diri mereka kepada Tuan Puteri Cenderawati. Mereka semua tinggal bersama Tuan Puteri Cenderawati.

Tema

Pengembaraan Anak Raja Menempuh Pelbagai Cabaran

Indera Nata mengembara mencari gajah bergading emas atas perintah ayahandanya, Raja Rom. Pelbagai cabaran dihadapi dalam pengembaraan tersebut antaranya menemui binatang buas di dalam hutan, mendaki bukit yang terlalu tinggi, menyelamatkan tujuh orang puteri daripada tawanan raksasa, dan hampir ditangkap dan dibunuh oleh raksasa.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan

1. Persoalan keberanian dan kehebatan anak raja

- Indera Nata berani menentang binatang buas dan menyelamatkan Indera Jenaka daripada dibaham binatang buas yang terdapat di dalam hutan.
- Indera Nata berani masuk ke mahliga raksasa dan menyelamatkan tujuh orang puteri.
- Indera Nata mempunyai kebolehan bercakap atau berinteraksi dengan haiwan.

2. Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya

- Si Batu Kembar memeluk dan mencium anaknya Indera Jenaka yang baru balik daripada mengembara.
- Ibu Indera Nata iaitu Tuan Puteri Cenderawati sangat bimbang dan bersedih ketika menunggu kepulangan anaknya itu daripada mengembara.

3. Persoalan kebijaksanaan untuk mendapatkan sesuatu dan menyelamatkan diri

- Tuan Puteri Cendera Kesuma membuat helah dengan menyuruh raksasa mencari gajah bergading emas sekiranya raksasa mahukan mereka cepat besar, tetapi sebenarnya dia bertujuan membantu Indera Nata mendapatkan gajah bergading emas segera.
- Tuan Puteri Cendera Kesuma membuat helah sekali lagi dengan menyuruh raksasa lelaki mencari kijang putih bertanduk emas dan raksasa perempuan mencuci kain hitam menjadi putih sebagai tanda sayang kepada mereka. Sebenarnya dia bertujuan untuk melarikan diri bersama Indera Nata dan puteri-puteri yang lain semasa ketiadaan raksasa.

4. Persoalan tolong-menolong sesama manusia

- Indera Nata membantu menyelamatkan Indera Jenaka daripada serangan binatang buas di hutan.
- Indera Nata membantu menyelamatkan ketujuh-tujuh puteri daripada tawanan raksasa.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Watak dan Perwatakan

Watak Utama

Indera Nata

- Anak kepada Raja Rom dan Tuan Puteri Cenderawati
- Digelar Si Piatu
- Sangat disayangi oleh ibunya - Ibu Indera Nata iaitu Tuan Puteri Cenderawati sangat bimbang dan bersedih ketika menunggu kepulangan anaknya itu daripada mengembara.
- Mempunyai kesaktian – Indera Jenaka hairan melihat kelakuan Indera Nata yang boleh bercakap dengan binatang.
- Seorang yang berani –Menyelamatkan Indera Jenaka daripada serangan binatang buas
- Seorang yang baik hati - Menyelamatkan tujuh orang puteri daripada tawanan raksasa.

Watak Sampingan

Tuan Puteri Cendera Kesuma

- Anak Raja Mesir
- Memiliki rupa paras yang cantik
- Menjadi tawanan raksasa .
- Petah berkata-kata -Tuan Puteri bukan sahaja cantik malah pandai berkata-kata dan berpantun.
- Bijaksana – pandai membuat helah untuk membantu Indera Nata dan untuk menyelamatkan diri daripada raksasa

Raksasa suami isteri

- Tinggal di mahligai di atas sebuah bukit yang tinggi.
- Kejam – menawan tujuh orang puteri untuk dijadikan makanan.
- Besar, kuat dan gagah. – gerakan mereka berbunyi seperti rebut
- Pemarah dan ganas – membunuh semua rombongan Raja Rom yang pergi berburu untuk mendapatkan gajah bergading emas yang dinaiki oleh Raja Rom
- Mudah diperdaya – percaya helah yang dibuat oleh Tuan Puteri Cendera Kesuma



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Indera Jenaka

- Anak Tuanku Syah Alam dan Si Batu Kembar
- Menghargai jasa – Indera Jenaka menghargai Indera Nata dengan menceritakan kebaikan dan kelebihan Indera Nata kepada kedua-dua ibu bapanya.
- Seorang yang berterus terang - Memberitahu kedua-dua ibu bapanya siapa sebenarnya Si Piatu iaitu Indera Nata.

Latar

Latar Tempat

i. Negeri Rom (rumah Si Batu Kembar)

- Indera Jenaka menceritakan kepada ibu bapanya siapa Si Piatu dan darihal Indera Nata

ii. Negeri Pattani

- Indera Nata menentang haiwan buas dan menyelamatkan Indera Jenaka dan Indera Nata boleh bercakap dengan haiwan.

iii. Sebuah bukit yang tinggi

- Tempat tinggal sepasang raksasa suami isteri di sebuah mahligai yang indah bersama-sama tujuh orang puteri yang ditawan.

iv. Sebuah peti emas

- Tempat Indera Nata disembunyikan oleh Tuan Puteri Cendera Kesuma semasa raksasa balik ke mahligai.

v. Tepi Laut / Pantai

- Tempat isteri raksasa mencuci kain hitam supaya menjadi putih.

Rumah Bonda Indera Nata (Tuan Puteri Cenderawati)

- Kepulangan Indera Nata bersama tujuh puteri.
- Ketujuh-tujuh puteri menetap di situ.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latar Masa

- Waktu pagi – raksasa keluar mencari kijang putih bertanduk emas.
- Waktu petang – raksasa tidur.
- Waktu siang – raksasa keluar mencari gajah bergading emas.
- Tujuh hari tujuh malam – perjalanan Indera Nata pulang ke rumah bondanya bersama tujuh puteri.
- Waktu tengah malam – Indera Nata tiba di rumah bondanya bersam tujuh puteri.

Latar Masyarakat

- Golongan bangsawan – Raja Rom, Tuanku Alam Syah, Tuan Puteri Cenderawati, Tuan Puteri Cendera Kesuma
- Golongan bawahan – rakyat yang mengikut Raja Rom pergi berburu yang semuanya dimakan oleh raksasa
- Masyarakat taat kepada perintah – Indera Nata mengikut perintah Raja Rom mengembara mencari gajah bergading emas
- Masyarakat yang memiliki kesaktian dan hikmat- Indera Nata boleh berinteraksi dan bercakap dengan haiwan, mempunyai gemala hikmat yang boleh menyeru dan meminta bantuan Betara Gangga.
- Masyarakat raksasa – sepasang suami isteri raksasa yang tinggal di atas sebuah bukit.
- Masyarakat haiwan – gajah bergading emas, ular sakti dan naga

Gaya Bahasa

- **Bahasa Klasik** – sebermula, hatta
- **Bahasa istana** - tuanku , kakanda , anakanda .
- **Simile** – maka ia mendengar bunyi seperti ribut , ia berani dengan segala binatang itu adalah ia berkata-kata seperti ia berkata dengan manusia juga.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

- **Puisi – pantun** contoh:
Ikan pari bertelur beribu
 Bertelur sejengkal juga;
Hujan arah ke langit biru,
 Tawakalku dapat juga.
- **Bahasa Arab – Allah**
- **Hiperbola** – gajah bergadingkan emas , kijang putih bertandukkan emas , parasnya gilang-gemilang, cahayanya kilau-kilauan.

Nilai

- **Nilai Bijaksana** – Tuan Puteri Cendera Kesuma membuat helah untuk melepaskan diri.
- **Nilai Keberanian** – Indera Nata berani masuk ke mahligai raksasa dan menyelamatkan tujuh puteri.
- **Nilai Kasih Sayang** – Tuan Puteri Cenderawati amat menyayangi Indera Nata.
- **Nilai Tolong-menolong** - Indera Nata menyelamatkan tujuh puteri daripada tawanan raksasa dan Tuan Puteri Cendera Kesuma membuat helah supaya raksasa mencari gajah bergading emas bagi membantu Indera Nata.

Pengajaran

- Kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki.
- Kita mestilah saling menyayangi antara satu sama lain supaya dapat hidup harmoni.
- Kita hendaklah bijak menyelesaikan masalah yang timbul.
- Kita mestilah menghargai budi yang diterima dan membalas dengan sebaik-baiknya.
- Kita hendaklah tolong-menolong antara satu sama lain.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latihan

1. Nyatakan empat latar masyarakat yang terdapat dalam prosa tradisional Hikayat Indera Nata.
2. Jelaskan 3 watak sampingan dan perwatakannya dalam prosa tradisional Hikayat Indera Nata.

Jawapan:

1. Latar Masyarakat

- Golongan bangsawan – Raja Rom, Tuanku Alam Syah, Tuan Puteri Cenderawati, Tuan Puteri Cendera Kesuma
- Golongan bawahan – rakyat yang mengikut Raja Rom pergi berburu yang semuanya dimakan oleh raksasa
- Masyarakat taat kepada perintah – Indera Nata mengikut perintah Raja Rom mengembara mencari gajah bergading emas
- Masyarakat yang memiliki kesaktian dan hikmat- Indera Nata boleh berinteraksi dan bercakap dengan haiwan, mempunyai gemala hikmat yang boleh menyeru dan meminta bantuan Betara Gangga.

1. Watak Sampingan

Tuan Puteri Cendera Kesuma

- Anak Raja Mesir
- Memiliki rupa paras yang cantik
- Menjadi tawanan raksasa bersama enam puteri yang lain untuk dimakan oleh raksasa apabila mereka besar
- Petah berkata-kata
- Bijaksana – pandai membuat helah untuk membantu Indera Nata dan untuk menyelamatkan diri daripada raksasa
- Menetap di rumah Tuan Puteri Cenderawati bonda Indera Nata selepas bebas daripada tawanan raksasa



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Raksasa suami isteri

- Tinggal di mahligai di atas sebuah bukit yang tinggi bersama tujuh orang puteri yang ditawan.
- Besar, kuat dan gagah. – gerakan mereka berbunyi seperti rebut
- Pemarah dan ganas – membunuh semua rombongan Raja Rom yang pergi berburu untuk mendapatkan gajah bergading emas yang dinaiki oleh Raja Rom
- Mudah diperdaya – percaya helah yang dibuat oleh Tuan Puteri Cendera Kesuma

Indera Jenaka

- Anak Tuanku Syah Alam dan Si Batu Kembar
- Pernah bersama-sama Indera Nata dan diselamatkan oleh Indera Nata daripada serangan binatang buas di dalam hutan
- Menghargai jasa Indera Nata dengan menceritakan kebaikan dan kelebihan Indera Nata kepada kedua-dua ibu bapanya.
- Memberitahu kedua-dua ibu bapanya siapa sebenarnya Si Piatu iaitu Indera Nata.